

BERITA HARIAN

wednesday Sept 1/2004

UniKL lahir graduan sulung Sabtu

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Kuala Lumpur (UniKL) yang akan mengeluarkan graduan sulung Sabtu ini menjadi institusi payung kepada pendidikan teknikal dan kejuruteraan berteknologi kemahiran, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Saad (gambar).

Bellau berkata, penubuhan universiti itu pada 2002 memulakan era baru pendidikan teknikal dan kejuruteraan kerana menawarkan program ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan di negara ini.

Katanya, UniKL bukan saja menerima lulusan sijil dan diploma institusi kemahiran di bawah Mara seperti Pusat Giat Mara (Giat Mara) atau Institut Kemahiran Mara (IKM) tetapi juga institusi latihan lain sama ada dikendalikan agensi kerajaan atau swasta.

"Sebelum ini, lulusan program kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia atau Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi serta institusi swasta hanya mempunyai peluang mendapat latihan kema-

hiran sehingga tahap diploma.

"Tetapi, kini UniKL memberi peluang mereka meningkatkan kemahiran hingga ke peringkat ijazah sarjana muda, iaitu setaraf dengan kelayakan akademik jurutera.

"Universiti ini juga akan menawarkan program peringkat sarjana dan doktor falsafah dan ketika itu, program kemahiran bukan lagi menjadi pilihan kedua atau kursus untuk pelajar yang lemah saja," katanya ketika ditemui di ibu negara, baru-baru ini.

Seramai 835 graduan UniKL menerusi empat institut cawangan akan menerima diploma masing-masing pada majlis konvokesyen pertama universiti itu di UniKL-British Malaysian Institute (UniKL-BMI), Sabtu ini.

Daripada jumlah itu, 422 graduan UniKL-BMI, diikuti 257 (UniKL-Malaysia France

Institute), 145 (UniKL-Institute Infotech Mara) dan 11 lagi (UniKL-Malaysian Institute of Aviation Technology).

Istiadat konvokesyen itu akan disempurnakan Canselor UniKL, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, yang juga Tengku Mahkota Pahang.

